

Sektor PMKS dibantu kekal berdaya tahan

Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia tingkat keupayaan, perkembangan perniagaan

Oleh Rohaniza Idris dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Sumbangan sektor perniagaan, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), kekal signifikan kepada negara walaupun mengalami penguncupan sebanyak 7.3 peratus pada 2020.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata selain menggaji lebih tujuh juta pekerja, PMKS menyumbang hampir 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan lebih daripada 13 peratus eksport negara.

Oleh itu, amat penting kera-

jaan memastikan sektor perniagaan kita terus berdaya tahan.

“Demi mencapai matlamat ini, Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia direncana dengan tujuan mengembalikan keupayaan perniagaan melalui akses kepada pelbagai pembiayaan.

“Selain akses kepada pembiayaan, Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia juga strategi untuk membina daya tahan sektor itu dengan tumpuan kepada inisiatif yang akan memacu pelaburan strategik, memudah cara perniagaan, memperkasakan agenda digitalisasi dan kelestarian mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia di sini, semalam yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Mengulas lanjut, Tengku Zafrul berkata, Program Semarak Niaga Keluarga Malaysia dirangka supaya komuniti usahawan mampu bangkit semula dan terus berkembang.

“Bersama-sama langkah Bajet 2022 yang akan memudah cara



Ismail Sabri diiringi Tengku Zafrul ketika merasmikan Semarak Niaga Keluarga Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

perniagaan, serta pelbagai insentif cukai, semua ini akan juga membantu negara mencapai sasaran penciptaan 600,000 pekerjaan untuk Keluarga Malaysia tahun ini.

“Semua usaha ini juga diyakini akan melonjakkan lagi ekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan sudah mengambil langkah responsif dan proaktif melalui pelbagai pakej bantuan dan rangsangan ekonomi, serta Bajet 2022 berjumlah RM322.5 bilion, untuk menjamin kesejahteraan Keluarga Malaysia, kelangsungan perniagaan dan daya ketahanan ekonomi dalam menangani krisis.

“Ekonomi negara kembali ke landasan pemulihan kukuh menerusi semua usaha itu, serta

pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), walaupun dalam keadaan mengharungi ancaman varian Delta, serta bencana banjir pada 2021.

“Pelbagai penanda ekonomi juga terus mencerminkan perkembangan yang memberangsangkan, ini termasuk aliran masuk bersih pelaburan langsung asing (FDI) hampir RM55 bilion, jumlah perdagangan luar mencecah lebih RM2 trilion serta aliran masuk bersih pelabur asing ke (dalam) pasaran bon tempatan melebihi RM33 bilion,” katanya.

Tengku Zafrul berkata selain itu pada 2021, KDNK meningkat 3.1 peratus, manakala kadar pengangguran bagi Disember terus berkurangan kepada 4.2 peratus.

“Semua data ini adalah lebih

baik berbanding tahun-tahun sebelum COVID-19 melanda negara, namun kita perlu sentiasa berwaspada dengan segala kemungkinan dan cabaran ketidak-tentuan tahun ini,” katanya.

Beliau berkata merujuk Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), unjuran pertumbuhan ekonomi dunia 2022 dijangka berkurangan berbanding apa yang dicapai pada 2021.

“Ini berikutan ancaman varian Omicron, peningkatan kadar inflasi, serta gangguan rantaian bekalan dunia. Unjuran itu turut didorong permintaan terpendam yang mula reda, serta pengurangan sokongan fiskal dan rangsangan ekonomi oleh kerajaan di seluruh dunia,” katanya.